

CentRenA pusat penyelidikan, rawatan pemulihan dadah pertama di Pantai Timur

KUALA TERENGGANU 23 Jan. - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di sini menubuhkan Pusat Penyelidikan dan Rawatan Ketagihan (CentRenA), yang pertama seumpamanya di Pantai Timur dalam membantu menangani gejala dadah.

Pusat yang digerakkan hasil geran Kementerian Pengajian Tinggi kepada kalangan penyelidik berasaskan kepakaran disasarkan oleh UniSZA dapat merangka kelestarian penyelidikan dan perawatan dengan penawaran kursus sarjana dan doktor falsafah.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Ahmad Zubaidi Abdul latiff berkata, mengikut pelan hala tujuanya, CentRenA akan menjadi pusat sehati yang kondusif untuk penyelidikan berkaitan penagihan dadah terutama dalam aspek psikospiritual dan perubatan moden.

"Kami berharap CentRenA da-

pat terus menghasilkan penyelidikan bermutu setanding dengan penyelidikan lain ke arah pengeluaran produk-produk inovasi," ujarnya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap dalam majlis pelancaran pusat itu yang disempurnakan oleh Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Zubir Embong, di Kampus UniSZA, di Gong Badak di sini hari ini.

Dalam majlis itu juga UniSZA memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi jalinan kerjasama dengan lima institusi iaitu, Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) dan Hospital Psikiatrik Suan Prung, Chiang Mai, Thailand.

Ahmad Zubaidi menarik perhatian, melalui geran penyelidikan

ini, penyelidik di bawah naungan CentRenA telah menghasilkan banyak penerbitan dalam jurnal yang berimpak tinggi.

Selain itu katanya, beberapa produk inovasi telah dikeluarkan dalam membantu meningkatkan kadar pemulihan klien ketagihan.

Ini termasuklah Modul Psiko-spiritual, mesin i-Dispenser dan makanan tambahan, *i-Nutrien* gabungan madu kelulut, haba-tussauda dan air zam-zam yang telah memenangi pelbagai anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Beberapa produk seperti Nuzadone dan i-Dispenser bakal dipasarkan secara meluas di negara ini," ujarnya.

Katanya, pencapaian ini membuktikan bahawa dana yang diberikan kepada UniSZA tidak sia-sia serta mampu memebri impak yang positif kepada masyarakat.